

18/10/1997

Persekutuan Hainan sokong PM

KOTA BHARU, Jumaat - Pergerakan Pemuda Persekutuan Persatuan Hainan Malaysia (PPHM), meluluskan sebulat suara resolusi menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis penurunan nilai ringgit.

Ketuanya, Heng Hock Teng, berkata mesyuarat pagi semalam yang dihadiri 32 perwakilan daripada badan gabungannya dari seluruh negara memberi mandat kepada Dr Mahathir mengharungi cabaran negara.

Sokongan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri membuktikan cabaran yang sedang dihadapi oleh negara perlu ditangani bersama secara kolektif.

"Kekalutan akan bertukar menjadi sesuatu yang dahsyat jika rakyat gagal mengawal perasaan dan pemikiran. Kejatuhan nilai mata wang bukan hanya berlaku di Malaysia, bahkan membabitkan negara jiran."

"Semua pihak harus menyuarakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri sebagai simbol perpaduan rakyat. Krisis ringgit bukan disebabkan Dr Mahathir, tetapi perbuatan media asing yang sengaja mengkucar-kacirkan ekonomi negara," katanya ketika menghubungi Berita Harian, di sini.

"Rakyat negara ini, khususnya ahli gabungan PPHM jangan mudah terpedaya dengan tohmahan media asing terhadap ekonomi negara kerana kita yakin kemelut ringgit hanya bersifat sementara.

"Mereka (media asing) tidak berhak menentukan kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kerana hak itu terletak di tangan rakyat negara ini, lebih-lebih lagi kita semua akan memastikan beliau terus memimpin Malaysia," katanya.

(END)